



## *Menulis Isi Karangan Ekspositori Melalui Konsep PBL*

**Alifa Ismail**

Alifa\_ismail@moe.edu.sg

**Helmilina Muhd Som**

Sekolah Menengah St. Andrews  
Helmilina\_muhamad\_som@moe.edu.sg

### *Abstrak*

Para pelajar didapati sukar untuk mempelajari sesuatu yang baharu dan menjana pemikiran mereka tentang sebuah masalah yang autentik ketika menulis karangan ekspositori. Satu kajian yang melibatkan pelajar menengah 3 ekspres yang baru diperkenalkan secara rasmi kepada karangan ekspositori telah dijalankan. Pembelajaran Berasaskan masalah (PBL) dijadikan strategi untuk mengajar pelajar menulis jenis karangan ini. Dengan tema Disiplin dan topik karangan 'Cara-cara yang Berkesan untuk Menangani Masalah Disiplin Pelajar', pelajar mencari dan mengumpul maklumat melalui perbincangan dalam talian *MConline*, menjalankan kajian dan perkongsian dalam kumpulan. Tema disiplin merangkumi nilai-nilai murni yang ingin diterapkan di dalam diri pelajar. Strategi PBL telah diterapkan bersama penggunaan lelaman pembelajaran *MConline* bagi pelajar berkongsi maklumat dan menghasilkan karangan menerusi '*Writing Buddy*'. Proses PBL yang melibatkan penjanaan idea, kajian atau mencari dan mengumpul maklumat serta penilaian idea-idea merupakan kemahiran yang diperlukan oleh para pelajar dalam penulisan karangan ekspositori. Oleh yang demikian, strategi PBL merupakan strategi yang dapat diguna pakai untuk memberi pengalaman pembelajaran yang bermutu tinggi dan berkesan. Dapatkan yang berbentuk kuantitatif menunjukkan sebilangan besar pelajar dapat menulis karangan ekspositori dengan baik. Dapatkan yang berbentuk kualitatif pula menunjukkan strategi PBL dapat diguna pakai bagi memberikan pengalaman pembelajaran yang bermutu tinggi dan berkesan.

### Kata kunci

Pembelajaran PBL, Karangan, Ekspositori, Nilai Murni, ICT

## PENGENALAN

Menulis karangan ekspositori dalam kalangan pelajar sekolah menengah merupakan cabaran kerana para pelajar tidak terdedah kepada jenis karangan ini di peringkat sekolah rendah dan diperkenalkan pada menengah dua. Soalan-soalan karangan ekspositori banyak mengajukan satu pernyataan atau permasalahan yang memerlukan pelajar memberi saranan atau penyelesaiannya. Karangan ekspositori yang baik memerlukan isi-isi yang bermutu dan idea-idea yang meyakinkan. Bagi pelajar yang baru diperkenalkan kepada karangan ekspositori, mereka mendapati sukar untuk menjana idea sesuatu tajuk yang memerlukan maklumat berdasarkan fakta.

Menerusi proses Pembelajaran Berasaskan Masalah, pelajar dapat berbincang, berkongsi pengetahuan dan mencari maklumat untuk mendapatkan idea. Selain itu, mereka akan mempertimbangkan idea-idea yang telah dikongsi dalam kumpulan dan menjana idea daripada beberapa perspektif. Permasalahan yang diutarakan dalam kajian ini bertajuk 'Cara-cara mengurangkan masalah disiplin dalam kalangan pelajar di sekolah'. Topik ini merupakan isu yang autentik kerana setiap pelajar perlu menjaga disiplin semasa di sekolah atau di mana-mana sahaja. Dengan proses PBL, pelajar dipandu untuk mendapatkan idea, berkongsi idea dan membaiki idea untuk membolehkan mereka menulis karangan ekspositori yang lebih meyakinkan.

## PERNYATAAN MASALAH

Masalah penulisan karangan ekspositori dijadikan fokus kajian ini kerana karangan jenis ini diuji dalam kertas peperiksaan Bahasa Melayu peringkat nasional di menengah 4 Ekspres dan Normal Akademik. Pelajar yang kurang berkebolehan dari segi bahasa dan kosa kata, mendapati sukar menulis karangan naratif atau deskriptif. Karangan ekspositori yang lebih berstruktur dan menekankan gaya penulisan yang lebih formal, lebih sesuai untuk pelajar sedemikian. Proses PBL dijadikan pendekatan kerana pelajar menengah tiga masih belum biasa menulis karangan ekspositori untuk melahirkan idea dan pendapat mereka. Mereka juga kurang berkebolehan dalam memberikan huraihan, bukti serta contoh fakta-fakta yang berkaitan dengan masalah yang diketengahkan.

Oleh itu, proses PBL ini membolehkan pelajar meluahkan pendapat, berbincang dan menilai pandangan untuk menyelesaikan masalah yang diketengahkan untuk mereka menjana idea bagi menjawab soalan-soalan

karangan ekspositori semasa latihan dalam kelas. Dengan latihan yang melibatkan proses PBL, pelajar akan terlatih untuk mencari maklumat, menimbang idea dan memberikan penjelasan tentang idea yang difikirkan oleh mereka semasa menjawab soalan dalam ujian atau peperiksaan.

## TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. meneliti keberkesanannya proses PBL dalam menjana idea dan mengumpul maklumat untuk isi-isi karangan ekspositori;
2. memberi ruang kepada setiap pelajar untuk melahirkan pendapat dan idea mereka dengan yakin; dan
3. menjalankan aktiviti pramenulis yang membolehkan pelajar berbincang, berfikir dan menilai idea untuk menyelesaikan masalah autentik bagi menghasilkan isi-isi karangan yang lebih bermutu.

## KAJIAN LITERATUR

Kajian tentang PBL telah banyak dijalankan di sekolah-sekolah menengah dan maktab rendah di Singapura. Pada bulan Februari 2014, sembilan buah sekolah membentangkan kertas kerja tentang dapatan mereka mengenai proses PBL yang dijalankan di sekolah-sekolah mereka. Institusi Raffles juga menggunakan proses PBL dalam latihan menulis karangan ekspositori. Dalam kajian tersebut, pelajar sedar adalah amat penting untuk mereka tidak cepat membuat andaian atau membuat pernyataan-pernyataan yang simplistik sebelum menghasilkan kajian yang lebih terperinci. Proses PBL yang dilakukan dengan kegiatan berbahas yang dijalankan juga membantu pelajar dalam 'menghasilkan karangan yang lebih bermutu'.

Menurut Jon Larsson (2001), pengajaran berasaskan masalah atau PBL telah dikenal pasti sebagai alat pengajaran yang berkesan. Faedah PBL telah direkodkan dalam banyak kajian sebagai teknik yang dapat membantu pelajar berkomunikasi secara berkesan, berfikir dan menyelesaikan masalah berbanding teknik syarahan atau penyampaian sehala.

Pada umumnya, interaksi sosial pelajar juga turut diperbaik dengan menggunakan teknik PBL. Dengan menyediakan tugas yang memerlukan pelajar bertindak, berinteraksi dan berkomunikasi, pelajar menggunakan bahasa dalam suasana autentik. Jon Larsson (2001) menegaskan bahawa PBL membantu

pemahaman bahasa pelajar dengan lebih mendalam. Dengan menggunakan bahasa dalam suasana perbincangan, berinteraksi dan bertindak, pelajar secara langsung menggunakan bahasa yang dipelajari dalam suasana yang autentik dan hal ini merangsang pemahaman yang mendalam tentang bahasa yang dipelajari.

## **KAEDAH KAJIAN**

### **SUBJEK KAJIAN**

Kajian ini merupakan kajian tindakan yang melibatkan 15 pelajar 3 Ekspres. Para pelajar ini mengikuti kelas sebanyak tiga kali seminggu, 2 jam 55 minit seminggu. Pemilihan ini dilakukan dengan mengambil kira kumpulan pelajar ini telah biasa menulis karangan jenis naratif dan deskriptif serta emel rasmi dan tidak rasmi. Oleh itu, aktiviti menulis karangan ekspositori dianggap sebagai aktiviti yang agak mencabar kerana mereka belum terbiasa dengan karangan jenis ini.

Pelajar yang menjalani kajian ini merupakan pelajar menengah tiga ekspres. Enam merupakan pelajar Bahasa Melayu Lanjutan (BML) dan sembilan adalah pelajar Bahasa Melayu Peringkat Biasa (BM). Pelajar BML akan menduduki peperiksaan Bahasa Melayu peringkat biasa pada hujung tahun manakala pelajar BM akan menduduki peperiksaan mereka pada pertengahan tahun hadapan. Mereka perlu dididik cara-cara untuk menulis karangan ekspositori yang bermutu.

### **INSTRUMEN KAJIAN**

Proses PBL dijadikan instrumen kajian kerana proses ini dapat memandu pelajar menjana idea melalui kegiatan berkumpulan. Melalui kegiatan berkumpulan, pelajar digalakkan untuk meluahkan idea mereka. Setiap pelajar diingatkan untuk menghormati idea rakan. Melalui proses PBL, nilai-nilai murni seperti menghormati idea rakan dan bekerjasama turut dipupuk dalam diri pelajar. Carta PBL digunakan untuk menyenaraikan idea-idea yang dikongsi dan memandu pelajar untuk mencatat pengetahuan yang sedia ada, menyenaraikan idea yang perlu dikembangkan dan mencatat maklumat penting. Borang Penilaian Kendiri yang dimuatnaikkan ke dalam sistem pembelajaran *MCOonline* membantu guru memantau kelakonan pelajar dalam aktiviti yang dijalankan.

## **PROSEDUR KAJIAN**

Kajian ini menggunakan analisis kuantitatif dan kualitatif. Kajian ini dijalankan selama tiga waktu mata pelajaran Bahasa Melayu pada minggu terakhir dalam penggal satu minggu pertama dan dua waktu mata pelajaran dalam penggal dua.

Carta PBL digunakan untuk pelajar senaraikan satu masalah disiplin yang terdapat di sekolah untuk dibincangkan dalam kumpulan masing-masing. Setiap ahli kumpulan memberikan satu cara yang berkesan untuk menyelesaikan masalah disiplin pelajar. Setiap cara harus dihuraikan dengan butir-butir yang terperinci. Pelajar digalakkan menggunakan pelbagai cara untuk mencari maklumat. Mereka boleh menjalankan temu ramah dengan rakan sekolah, temu bual dengan guru-guru dan mencari maklumat dari lelaman di Internet. Setiap kumpulan menyenaraikan empat atau lima cara.

## **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Yang berikut adalah dapatan tinjauan setelah proses PBL dijalankan. Daripada tinjauan yang dijalankan, 100% pelajar menyatakan bahawa mereka dapat menyumbang idea dengan baik. 100% menyatakan mereka dapat menyumbang maklumat baharu dengan baik. 80% menyatakan mereka menggunakan pelbagai sumber sewaktu penyelidikan. 70% menyatakan mereka dapat mempelajari sesuatu yang baharu dan 100% menyatakan mereka sangat suka akan aktiviti-aktiviti yang dijalankan.

Daripada tinjauan guru terhadap hasil kerja pelajar, 50% pelajar yang terlibat dapat menulis isi yang lebih padat dan meyakinkan untuk karangan ekspositori berkaitan dengan topik yang dibincangkan dalam proses PBL. Pelajar dapat menulis huraian dan memberikan contoh-contoh relevan untuk menjelaskan topik karangan ekspositori yang diberi. Oleh itu, markah yang lebih tinggi dapat diraih dalam bahagian isi.

## **KESIMPULAN**

Dengan proses PBL, guru berupaya menjadikan suasana pembelajaran lebih kondusif. Carta PBL memberikan struktur dan ruang luas untuk pelajar memberikan idea dan meluaskan idea itu. Selain itu, aktiviti berkumpulan dan perbincangan kumpulan yang dikawal dengan beberapa peraturan membolehkan pelajar bekerjasama untuk menyumbang idea bagi menghasilkan karangan yang

mengandungi lebih banyak isi yang relevan serta huraian yang lebih terperinci. PBL juga menyediakan ruang untuk pelajar memikirkan penyelesaian yang mereka ajukan dengan lebih terperinci justeru menjana isu-isu disiplin yang terdapat di sekolah. Dengan ini, nilai seperti disiplin diri dan bertanggungjawab turut diterapkan.

*Nota:*

Guru berikut turut serta dalam kajian yang dijalankan.

1. Zulaikha Basri

## **RUJUKAN**

Jon Larsson (2001) Problem-Based Learning: A possible approach to language education  
Polonia Institute Jagiellonian University

Kumpulan Pembinaan Bahan Pembelajaran Berasaskan Masalah (Menengah); Penyelaras Projek: Abdul Malek bin Ahmad, Guru Pakar dan Muhamad Rafi Abu Bakar, Guru Pakar ; Pusat Bahasa Melayu Singapura (2014) Pembelajaran Berasaskan Masalah (Sekolah Menengah); Pusat Bahasa Melayu Singapura (Februari 2013)

## **SUMBER INTERNET**

Lelaman PBL Politeknik Republik

<http://www.rp.edu.sg/PBLInstitute/Publications.aspx>

<http://www.facultyfocus.com/articles/effective-teaching-strategies/problem-based-learning-benefits-and-risks/>

# LAMPIRAN 1

Title : PBL Reflection

Period : 12-Mar-2014 (Wed) to 30-Sep-2014 (Tue)

Level : All

Group : All

Status : 10 out of 15 completed surveys

## Question 1.1

No.	Question	Cemerlang	Baik	Sederhana	% Cemerlang	% Baik	% Sederhana
1	Saya menyumbangkan idea/fakta/isi/bukti	3	7	0	30%	70%	0%

## Question 1.2

No.	Question	Cemerlang	Baik	Sederhana	% Cemerlang	% Baik	% Sederhana
1	Saya menyumbang maklumat baharu	5	5	0	50%	50%	0%

## Question 1.3

No.	Question	Cemerlang	Baik	Sederhana	% Cemerlang	% Baik	% Sederhana
1	Saya menggunakan pelbagai sumber sewaktu penyelidikan	3	5	2	30%	50%	20%

## Question 1.4

No.	Question	Cemerlang	Baik	Sederhana	% Cemerlang	% Baik	% Sederhana
1	Saya membantu ahli kumpulan dalam tugasani ini	5	2	2	50%	20%	20%

## Question 1.5

No.	Question	Cemerlang	Baik	Sederhana	% Cemerlang	% Baik	% Sederhana
1	Saya mempelajari perkara yang baharu	5	4	1	50%	40%	10%

## Question 1.6

No.	Question	Cemerlang	Baik	Sederhana	% Cemerlang	% Baik	% Sederhana
1	Saya menyukai aktiviti-aktiviti yang dijalankan	5	5	0	50%	50%	0%